

PERSEPSI PELATIH-PELATIH TERHADAP SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL

(SLDN): KAJIAN KES DI SEBUAH POLITEKNIK DI MALAYSIA.

AKHMAL ANNAS BIN HASMORI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PERSEPSI PELATIH-PELATIH TERHADAP SISTEM LATIHAN DUAL
NASIONAL (SLDN): KAJIAN KES DI SEBUAH
POLITEKNIK DI MALAYSIA.**

AKHMAL ANNAS BIN HASMORI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

JUN 2012

DEDIKASI

Untuk Mama dan Bapak yang disayangi,
CIKGU HASMORI BIN SAKRANI & PUAN SURAYA BTE JAAFAR
&
Keluarga serta Tunang Tercinta.

Segala Pengorbanan, Iringan Doa, dan Kasih Sayang Kalian,
Amat Ku Hargai.

Serta Untuk,

Teman-teman seperjuangan.

Jutaan Terima Kasih diucapkan di atas segala bantuan dan teguran ikhlas dari kalian.

Semoga Allah s.w.t. membalas jasa dan budi baik kalian semua.

Akhir Kata,

Majulah TVET untuk Malaysia kerana Allah s.w.t.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan hidayah petunjuk dan rahmatNya maka Projek Sarjana ini dapat juga disempurnakan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan ingin diberikan kepada Pensyarah Pembimbing Projek Sarjana ini, Dr. Mohd Khata bin Jabor di atas segala bimbingan, maklum balas segera dan teguran membina yang diberikan kepada penyelidik sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Segala kerjasama yang diberikan telah banyak membantu penyelidik dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ingin diucapkan kepada pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Selatan, Politeknik Merlimau dan Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan (JPTK), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kerana telah banyak membantu penyelidik dalam memenuhi tuntutan penyelidikan. Tidak dilupakan juga kepada setiap responden yang telah bekerjasama serta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melancarkan proses penyelidikan ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas jasa baik dan pertolongan yang telah diberikan oleh kalian.

ABSTRAK

Kajian deskriptif yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi pelatih-pelatih terhadap Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dijalankan di Politeknik Merlimau, Melaka. Persepsi yang ingin dilihat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu kemahiran teknikal, kemahiran sosial, nilai sosial dan kemahiran metodologi pembelajaran. Penyelidik juga ingin mengenalpasti jika terdapat hubungan di antara persepsi pelatih-pelatih dengan jantina dan latar belakang pendidikan mereka. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A (latar belakang pelatih) dan Bahagian B (44 item). Skala likert 5 peringkat juga telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 40 orang responden di Politeknik Merlimau. Maklumat yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 17.0 dengan tujuan untuk mendapatkan nilai min, kekerapan dan juga peratusan. Daripada dapatan kajian yang diperolehi, nilai min purata menunjukkan bahawa persepsi pelatih-pelatih terhadap SLDN yang dijalankan di Politeknik Merlimau adalah 4.18 iaitu berada pada tahap yang tinggi.

ABSTRACT

This descriptive research was conducted to identify the perception of trainees at Merlimau Polytechnic, Malacca towards National Dual Training System (NDTS). Perception that wants to observe is divided to several parts which is technical competencies, social competencies, social values and learning methodological competencies. The researcher also wants to identify if there is relationship between trainees' perception with their gender and educational background. Research instrument used was a questionnaire form that contains two parts which is Part A (trainees' background) and Part B (44 items). 5 level Likert scale also used for data collection. Questionnaire forms were distributed to 40 trainees at Merlimau Polytechnic. The information gathered then analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 17.0 in order to obtain the mean value, frequency and percentages. From the result obtained, average mean value shows that the perception of trainees of Merlimau Polytechnic towards NDTS is 4.18 which is in high level.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN KERTAS KERJA	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	TAJUK KAJIAN	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4

1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Persoalan Kajian	15
1.6	Kepentingan Kajian	16
1.7	Skop Kajian	18
1.8	Batasan Kajian	19
1.9	Definisi Istilah	20
1.9.1	Persepsi	20
1.9.2	Pelatih	21
1.9.3	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	21
1.9.4	Politeknik	21

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Sorotan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	22
2.1.1	Sistem Latihan Dual di Malaysia; Satu Perbandingan Dengan Negara Jerman	23
2.1.1.1	Pendahuluan	23
2.1.1.2	Perkembangan Dual Sistem di Malaysia	25
2.1.1.3	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	28

2.1.1.4	Pengoperasian dan Pencapaian	
	SLDN	31
2.1.1.5	Dapatan dan Pengajaran	32
2.1.1.6	Penutup	37
2.2	Konsep Pembangunan Modal Insan	39
2.2.1	Perlaksanaan Sistem TVET Di Malaysia	42
2.2.2	Kompetensi K-Pekerja Holistik	46
2.3	Politeknik	51
2.3.1	Misi Dan Visi	53
2.3.2	Politeknik Merlimau	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Rekabentuk Kajian	56
3.3	Populasi Dan Sampel	57
3.4	Instrumen Kajian	58
3.5	Kajian Rintis	62
3.6	Prosedur Kajian	64
3.6.1	Carta Alir Prosedur Kajian	65
3.7	Analisis Data	66

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	69
4.2	Analisis Deskriptif	70
4.2.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	70
4.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Umur	71
4.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Latar Belakang Pendidikan Tertinggi.	72
4.2.4	Taburan Responden Berdasarkan Kursus Atau Bidang Latihan	73
4.2.5	Taburan Responden Berdasarkan Faktor Mendapat Maklumat Mengenai Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	74
4.3	Analisis Bahagian B	75
4.3.1	Analisis Persoalan Kajian 1	75
4.3.2	Analisis Persoalan Kajian 2	77
4.3.3	Analisis Persoalan Kajian 3	80
4.3.4	Analisis Persoalan Kajian 4	82
4.4	Analisis Keseluruhan Bahagian B	84
4.5	Hubungan Antara Persepsi Dengan Latar Belakang Pendidikan Pelatih	87

BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	88
5.2	Rumusan	89
5.3	Perbincangan	91
5.3.1	Persoalan Kajian Pertama	92
5.3.2	Persoalan Kajian Kedua	93
5.3.3	Persoalan Kajian Ketiga	95
5.3.4	Persoalan Kajian Keempat	96
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	97
5.5	Penutup	99
BIBLIOGRAFI		101
LAMPIRAN		108

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Perbezaan Malaysia dan Jerman	35
Jadual 2.2	Sistem TVET di Malaysia	44
Jadual 3.1	Skala Likert Lima Peringkat	60
Jadual 3.2	Item-Item Soal Selidik	61
Jadual 3.3	Nilai Korelasi dan Interpretasinya	63
Jadual 3.4	Pengelasan Skor	67
Jadual 3.5	Rumus Nilai Julat Seimbang	67
Jadual 3.6	Pengelasan Maklum Balas Responden dan Skor Min	68
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	71
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	71
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Latar Belakang Pendidikan Tertinggi.	72
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Bidang atau Kursus Latihan	73
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Faktor Mendapat Maklumat Mengenai SLDN.	74

Jadual 4.6	Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Kemahiran Teknikal yang dipelajari melalui SLDN	76
Jadual 4.7	Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Kemahiran Sosial yang dipelajari melalui SLDN	78
Jadual 4.8	Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Nilai Sosial yang dipelajari melalui SLDN	80
Jadual 4.9	Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Kemahiran Metodologi Pembelajaran yang dipelajari melalui SLDN	82
Jadual 4.10	Taburan Analisis Keseluruhan Mengikut Ranking	85
Jadual 4.11	Analisis ANOVA Bagi Hubungan Antara Persepsi Dengan Latar Belakang Pendidikan Pelatih.	87

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Jumlah Syarikat Dan Perantis SLDN Tahun 2010	8
Rajah 1.2	Fasa Transformasi Pekerja	9
Rajah 1.3	Halatuju Pekerjaan	11
Rajah 2.1	Kerangka Konsep DSP	28
Rajah 2.2	K-pekerja Holistik	46

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

<i>f</i>	-	Kekerapan
%	-	Peratus
Dr	-	Doktor
SLDN	-	Sistem Latihan Dual Nasional
NDTS	-	National Dual Training System
PLTV	-	Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional
TVET	-	Technical and Vocational Educational and Training
SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences
RMK	-	Rancangan Malaysia
EPU	-	Economic Planning Unit
ADB	-	Asean Development Bank
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
MLVK	-	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
KSM	-	Kementerian Sumber Manusia
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
ILKA \	-	Institut Latihan Kemahiran Awam
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JPTK	-	Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan
SKPK	-	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
DSP	-	Dual System Project
NOCC	-	National Occupational Core Curriculum
NOSS	-	National Occupational Skills Standard
HRDF	-	Human Resources Development Fund
NAS	-	National Apprenticeship Scheme
NKRA	-	Bidang Keberhasilan Utama Negara
LAN	-	Lembaga Akreditasi Negara
JPP	-	Jabatan Pengajian Politeknik
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

A

Borang Soal Selidik

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sepertimana di negara-negara lain, pendidikan dan latihan yang berasaskan kemahiran atau *hands-on* turut diberi perhatian yang serius oleh pihak berwajib di negara ini. Hal ini tidak lain adalah kerana bagi memastikan sumber tenaga manusia berkualiti akan dapat terus dibekalkan ke arah pembangunan negara maju Malaysia sebagaimana yang termaktub dalam Wawasan 2020. Menurut Jailani et. al (2006), Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) di Malaysia telah ditawarkan oleh pelbagai institusi awam dan juga swasta. Menurut penulisan ini juga, terdapat lima tahap kelayakan yang ditawarkan dalam bidang TVET iaitu sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa telah berlaku transformasi dalam bidang TVET di mana ianya telah berevolusi daripada sesuatu yang menekankan latihan kemahiran asas kepada sesuatu

yang mementingkan aspek kognitif yang mana ianya mementingkan penggunaan pengetahuan matematik dan sains.

Bagi memastikan perkembangan sistem TVET secara menyeluruh di negara ini, pihak kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar melalui pelbagai kementerian-kementerian dan agensi-agensinya. Berdasarkan maklumat yang diperoleh dari *Economic Planning Unit* (EPU), di bawah rancangan Malaysia ke sembilan (RMK-9), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 629.2 juta untuk pembangunan institusi atau pusat latihan vokasional yang terletak di bawah tanggungjawab kerajaan. Hal ini menunjukkan betapa kerajaan Malaysia serius bagi memastikan pendidikan yang berasaskan kemahiran *hands-on* ini terus mendapat perhatian dan tempat di kalangan rakyat Malaysia. Perkara ini juga adalah bagi terus menyokong polisi dan rancangan pembangunan sumber manusia yang sering ditekankan dalam pelbagai rancangan dan pelan yang dibangunkan di Malaysia. Hal ini turut disokong oleh kata-kata mantan Perdana Menteri Malaysia yang menyatakan bahawa salah satu sumber penting dalam sesebuah negara itu adalah bakat, kemahiran dan kreativiti penduduknya dan ia boleh menjadi sumber yang unggul jika berjaya dipupuk dengan sempurna.

Sejarah perkembangan pendidikan dan latihan yang berasaskan kemahiran iaitu TVET di negara ini bermula pada tahun 1906 apabila sebuah sekolah teknik ditubuhkan untuk melatih para pelajar menjadi pembantu teknikal di stesen kereta api (Pang et. al, 2010). Selain itu, penubuhan sekolah teknik ini juga adalah bertujuan

untuk melahirkan pembantu teknikal yang akan bekerja di Jabatan Kerja Raya (Maznah, 2001). Perkembangan ini berterusan pada tahun 1919 apabila kerajaan telah membentuk sebuah jawatankuasa untuk meninjau dan mendapatkan maklumat berkenaan dengan keperluan dalam pelaksanaan sistem pendidikan teknik dan vokasional secara formal dan seterusnya mengemukakan cadangan untuk menubuhkan sekolah pertanian dan menyediakan kemudahan latihan untuk Jabatan Perhutanan (Loh, 1975). Seterusnya pada tahun 1926, *Federal Trade School* iaitu sekolah tukang telah ditubuhkan di Kuala Lumpur bagi memberi latihan secara sepenuh masa selama tiga tahun dengan tujuan untuk melatih mekanik, tukang, pekerja mesin dan kakitangan lain (Ahmad, 2003) yang diperlukan pada masa itu. Bagi memenuhi permintaan yang dilakukan dari pelbagai sektor seperti perlombongan, perladangan dan sektor swasta pada masa itu, tiga lagi sekolah tukang telah dibina iaitu di Pulau Pinang, Perak dan juga Singapore. Perkara ini seterusnya menjadi perintis dalam hubungan di antara sektor industri dan pendidikan serta latihan yang berasaskan kemahiran.

Pada tahun 1955 pula iaitu dua tahun sebelum Malaya pada masa itu mencapai kemerdekaan, kerajaan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pendidikan untuk meninjau dan menyemak semula sistem pendidikan yang sedia ada dan merancang untuk menghasilkan satu sistem pendidikan baru untuk digunakapakai sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan nanti (Pang, 2005). Jawatankuasa tersebut seterusnya telah menerbitkan Laporan Razak pada tahun 1956 yang mana kandungannya buat pertama kali telah mempromosikan dasar atau usul untuk membentuk aliran vokasional di samping mengekalkan sistem sekolah umum seperti

sedia kala (Wong & Ee, 1975). Seterusnya pada tahun 1960, pembentangan Laporan Rahman Talib telah menyebabkan berlakunya penyatuan di mana aliran vokasional telah diserap masuk ke dalam sistem sekolah menengah akademik. Bermula pada masa inilah, pendidikan teknik dan vokasional telah mula diberi perhatian secara serius oleh golongan masyarakat di negara ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam keghairahan negara kita Malaysia memacu pelbagai perancangan dan perbelanjaan besar dalam mengejar matlamat dan seterusnya mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, pelbagai persoalan dan isu dalam bidang *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) iaitu Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional telah timbul terutamanya di kalangan pendidik, penyelidik dan pembangun dalam bidang TVET ini. Namun yang demikian, terdapat beberapa persoalan dan isu dalam bidang TVET ini sebenarnya adalah perkara lama atau lapuk yang masih tiada jalan penyelesaian holistik bagi mengatasi persoalan-persoalan dan isu-isu tersebut.

Berdasarkan penulisan Ahmad (1989), di antara persoalan dan isu yang sering dipersoalkan dalam bidang TVET di Malaysia ini semenjak daripada dahulu lagi ialah yang pertama apa yang akan terjadi kepada bidang TVET di Malaysia dalam tahun 1990-an dan seterusnya? Dengan pembangunan pesat teknologi yang melebihi

jangkauan imaginasi, apakah akan ada perubahan signifikan dalam struktur, kandungan dan hala tuju sistem TVET dalam masa-masa yang akan datang? Adakah program-program dalam bidang TVET yang dihasilkan oleh kita berjaya sepenuhnya dalam memenuhi keperluan dan permintaan daripada pelajar, pelatih, masyarakat serta pihak majikan dan industri? Dan persoalan yang paling kritikal, adakah TVET berjaya mendapatkan atau membentuk *high esteem* iaitu rasa hormat dan kepuasan diri yang tinggi di kalangan pelajar, pelatih, ibu bapa, dan masyarakat? Atau adakah TVET masih lagi sehingga saat ini dianggap sebagai sesuatu yang hanya bagus atau layak untuk golongan *second raters* iaitu golongan kelas bawahan sahaja?

Jika persoalan dan isu kritikal seperti ini masih tidak mampu diselesaikan oleh negara kita secara menyeluruh dan holistik, sudah pasti cita-cita dan hasrat besar negara untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain tidak akan dapat dicapai secara jujur dan tanpa hipokrit mengikut masa yang telah ditetapkan iaitu pada tahun 2020. Di samping itu juga, persoalan dan isu di atas juga perlu diselidik dan diselesaikan dengan segera bagi menyediakan negara kita Malaysia sebagai salah satu negara yang mempunyai sistem TVET yang holistik dan lestari dalam melatih dan menghasilkan tenaga kerja berkemahiran yang berkualiti di pelbagai sektor industri. Di antara negara pelaksana sistem TVET yang berjaya dan boleh dijadikan contoh oleh negara kita Malaysia ialah seperti negara Jerman, Australia, Switzerland dan Austria (Agrawal, 2009).

Sistem TVET di negara kita telah ditawarkan oleh pelbagai lambakan organisasi, institusi, pusat latihan serta pelbagai lagi badan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam Sistem TVET di negara ini. Pernyataan ini disokong oleh Jailani et. al (2006) yang menyatakan bahawa Sistem TVET di Malaysia telah ditawarkan oleh pelbagai institusi latihan awam dan swasta. Menurutnya lagi, pendidikan teknik dan vokasional pada masa kini telah berevolusi daripada sesuatu yang berbentuk latihan asas kemahiran semata-mata kepada sesuatu bentuk latihan kemahiran yang juga menekankan aspek pengetahuan kognitif yang tinggi serta melibatkan aplikasi dan penggunaan pengetahuan dalam bidang matematik dan sains.


Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh negara membangun seperti Malaysia dalam julat tahun 2000 hingga tahun 2020 ini ialah bagaimana mahu membentuk satu sistem latihan yang benar-benar lestari dalam menghasilkan tenaga kerja yang bukan sahaja kompeten dalam aspek pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan kerjanya, tetapi juga mempunyai rasa *high-esteem* iaitu kepuasan dalam melakukan setiap perkara dalam pekerjaannya. Perkara ini telah disokong oleh Pang (2010) yang menekankan tentang keperluan sistem latihan yang dapat meningkatkan kepuasan dalam bekerja, latihan dan juga imej TVET itu sendiri. Menurutnya lagi, komponen ini adalah sangat penting untuk elemen nilai-nilai sosial serta imej dalam latihan dan pekerjaan yang seterusnya akan menjadi pemangkin atau aspirasi kepada penglibatan seseorang individu dalam latihan dan kerja bagi menghasilkan produk *k-worker* yang berkualiti.

Usaha-usaha pembangunan latihan vokasional terus dilakukan dari tahun ke tahun yang berikutnya sehinggalah pada tahun 1996 di mana telah wujud kesedaran untuk memperkenalkan satu sistem latihan di Malaysia yang serupa dengan sistem latihan dual yang dipraktikkan di negara Jerman. Menurut Pang (2010), usaha ini telah bermula sejak sesi dialog dijalankan di antara negara kita Malaysia dengan negara Jerman pada tahun 1996. Rentetan dari sesi dialog yang dijalankan, satu sistem latihan dual yang dikenali sebagai *National Dual Training System* (NDTS) iaitu Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) telah diperkenalkan dan seterusnya diluluskan oleh Kabinet Malaysia pada tanggal 19 Mei 2004 (Pang, 2010). Menurutny lagi, SLDN akan mula diimplementasikan bermula pada tahun 2005 dengan sasaran untuk menghasilkan sejumlah 31,500 orang pekerja mahir pada tahun 2010.

Pengenalan SLDN di Malaysia telah memfokuskan kepada keperluan dalam menghasilkan *k-workers* di negara ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8), 2001-2005 iaitu; “Sistem pendidikan dan latihan akan dipacukan dalam menghasilkan tenaga kerja yang *multi-skilled* dan berpengetahuan serta versatil, sanggup untuk terus belajar secara berterusan”. Perkara ini turut dinyatakan oleh Rahim et. al (2007) iaitu tujuan utama pelaksanaan SLDN adalah untuk menghasilkan *k-workers* yang berpengetahuan dalam bidang teknikal dan juga kompeten dalam bidang kemanusiaan dan sosial. Berdasarkan penulisan Pang (2010), pelaksanaan sistem ini bermula dengan pengambilan kumpulan pertama yang terdiri daripada 29 orang pelatih oleh syarikat Daimler Chrysler (Malaysia) dan 14 orang pelatih oleh syarikat Pengeluaran NAZA

Automotif untuk melatih pelatih dalam bidang mekatronik automotif. Menurutny juga, pada bulan Disember tahun 2009, terdapat sekitar 22,000 orang perantis yang sedang menjalani atau telah menyelesaikan program latihan di bawah SLDN ini yang mana ianya telah melibatkan sekitar 1000 syarikat perindustrian yang berbeza.

Namun yang demikian, berdasarkan statistik terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pada tahun 2010, sehingga bulan Disember tahun 2010 terdapat sejumlah 25, 021 orang pelatih yang sedang menjalani atau telah menyelesaikan program latihan di bawah sistem dual ini yang mana ianya telah melibatkan sekitar 1028 syarikat perindustrian dan 119 pusat latihan bertauliah yang berbeza. Rajah 1.1 menunjukkan taburan jumlah syarikat dan perantis SLDN sepanjang tahun 2010.




Rajah 1.1: Jumlah Syarikat Dan Perantis SLDN Tahun 2010

(JPK, 2010)

Jumlah ini jika diperhatikan adalah masih kecil jika dibandingkan dengan sasaran asal pelaksanaan SLDN iaitu bagi menghasilkan sejumlah 31, 500 orang perantis yang berkemahiran dalam pelbagai bidang. Menurut Pang (2010), iaitu berdasarkan kepada analisis yang dilakukan dalam penyelidikan yang terkini, didapati bahawa SLDN yang dijalankan di Malaysia tidak berjaya mereplika secara sepenuhnya sistem latihan dual yang dijalankan di negara Jerman. Perkara ini masih juga terjadi walaupun ianya berkongsi beberapa kriteria dan ciri-ciri yang sama.


Berdasarkan laporan *Asian Development Bank* (2004), nisbah tenaga kerja yang diperlukan dalam sektor industri ialah seorang jurutera kepada tiga orang juruteknik kepada 20 orang operator iaitu pekerja mahir (1 : 3 : 20). Namun yang demikian, dengan perkembangan terkini teknologi-teknologi baru serta keperluan tenaga-tenaga kerja dengan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi pada masa kini, struktur nisbah tenaga kerja ini telah berubah kepada nisbah seorang jurutera kepada lima orang juruteknik kepada 12 orang operator iaitu pekerja mahir. Perkara ini dapat dijelaskan lagi melalui Rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2: Fasa Transformasi Pekerja (ADB, 2004)

Berdasarkan kepada Gambarajah 1.2, negara kita Malaysia juga sepatutnya telah mula mengorak langkah yang lebih drastik dan pantas dalam menyahut cabaran dan seterusnya memenuhi hasrat murni kerajaan dalam Wawasan 2020 iaitu dengan mendapatkan status negara maju. Perkara ini amat ditekankan oleh ADB (2004) yang menyatakan bahawa sesebuah negara membangun itu tidak akan mampu bergerak ke arah *knowledge-based economy* iaitu ekonomi yang berasaskan pengetahuan jika negara tersebut tidak mempunyai bekalan tenaga kerja berkualiti yang mencukupi.

Di samping itu, perkara ini turut ditekankan oleh salah seorang penyelidik dalam bidang TVET di negara kita Malaysia sendiri iaitu Wan (2005) yang menyatakan bahawa kuantiti pekerja *semiskilled* iaitu pekerja separuh mahir, *skilled* iaitu pekerja mahir dan pekerja berkemahiran tinggi atau *multiskilled* perlu ditingkatkan dari masa ke masa. Pernyataan ringkas beliau ini juga telah digambarkan melalui Rajah 1.3. Hal ini sekali lagi digambarkan sebagai bertepatan dengan hasrat murni kerajaan bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 yang mana ianya perlu sentiasa disokong oleh barisan tenaga kerja yang berkualiti dari pelbagai aspek sama ada aspek fizikal mahupun mental.



Rajah 1.3: Halatuju Pekerjaan (Wan, 2005)

Secara hakikatnya, SLDN dilihat sebagai satu sistem latihan yang amat berpotensi dalam menghasilkan tenaga kerja berkemahiran yang diperlukan oleh negara dalam memacu ekonominya ke arah pencapaian status negara maju menjelang tahun 2020. Namun timbul persoalan tentang hasil dan pencapaian keseluruhan serta impak *long term* iaitu jangka panjang dalam pelaksanaan SLDN ini terutamanya kepada mereka yang mengikuti dan menjalani sistem latihan tersebut iaitu pelatih-pelatih di pusat latihan bertauliah yang terlibat. Perkara ini dijelaskan oleh Jailani et al. (2006) yang menyatakan bahawa, selain daripada kolej komuniti, politeknik dan universiti, terdapat kementerian-kementerian lain dalam kerajaan yang juga menawarkan program latihan kemahiran dan vokasional seperti Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya. Hal ini seterusnya telah mendorong penyelidik untuk meneroka dengan lebih mendalam lagi berkenaan dengan perkara ini bagi dan seterusnya mengenal pasti persepsi pelatih-pelatih pusat latihan terhadap SLDN yang dijalankan.

1.3 Pernyataan Masalah

Tidak mahu tertinggal jauh dengan negara-negara maju dan membangun yang lain, Malaysia dengan penuh komited terus mengorak langkah dan melakukan pelbagai proses penyelidikan dan pembangunan bagi mengenalpasti sistem latihan teknik dan vokasional yang benar-benar berkesan dalam mentransformasikan sumber manusia yang sedia ada menjadi sesuatu yang lebih bermutu dan berkualiti (Wan, 2007). Di Malaysia, istilah atau terminologi yang sering digunakan bagi merujuk kepada perkara ini secara amnya ialah pembangunan modal insan iaitu *human capital* atau secara spesifiknya iaitu yang berkait rapat dengan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) ialah *k-workers* holistik (Ahmad, 2005; Rahim et. al, 2007; Alexandra, 2006).

Hasil daripada proses penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh pihak berwajib, terdapat satu sistem latihan yang telah cuba diaplikasikan di negara ini. Sistem ini secara amnya berkonsepkan atau berorientasikan kepada *dual system* atau sistem dual dan ianya di Malaysia dilabelkan dengan nama Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) (Pang, 2009; Ahmad, 2005; Zuraidah, 2008; Jailani et.al, 2006; Wan 2007; JPK, 2009). Salasilah kewujudan sistem ini secara formalnya boleh dilihat dengan mengimbas kembali sejarah hubungan kerjasama di antara Malaysia dengan Jerman yang dilakukan pada tahun 1996 (Pang, 2010). Hasil daripada pertemuan yang dilakukan, satu hasil penyelidikan telah ditemui yang mana ianya mengesyorkan bahawa hubungan kerjasama di antara Malaysia dan Jerman harus

diperkukuhkan lagi dengan pembentukan pasukan Projek Sistem Dual atau *Dual System Project* (DSP) yang mana ianya telah membawa kepada perasmian SLDN pada tahun 2005 (Ahmad, 2005; Jailani et. al, 2006).

Oleh yang demikian, tujuan utama penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti persepsi pelatih-pelatih Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) terhadap SLDN yang dijalankan. Penyelidikan akan dilakukan dengan mengenalpasti beberapa aspek atau elemen penting yang wujud dalam pelaksanaan SLDN terlebih dahulu. Ini adalah bagi memastikan bahawa dapatan dari penyelidikan ini dapat membantu pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan, pihak industri dan pusat latihan untuk melihat dengan lebih jelas lagi persepsi mereka yang menjadi pelanggan utama dalam sistem latihan baru ini. Hal ini juga adalah penting dalam mencari penyelesaian bersama terutamanya berkenaan dengan isu keperluan dan kepentingan untuk mewujudkan dan melaksanakan sistem dual yang universal fungsi dan kesannya terutamanya untuk menghasilkan sumber manusia holistik secara besar-besaran di Malaysia (RMK-10; Habsah, 2009). Perkara ini turut disokong oleh Donna (2007) yang menyatakan bahawa, integrasi di antara pendekatan holistik dan pendidikan vokasional boleh menjadi pemangkin kepada pencapaian yang tinggi dalam pelbagai aspek kehidupan dan ianya tidak terhad kepada pembangunan kemahiran dan ekonomi semata-mata.

1.4 **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi beberapa objektif. Antara fokus-fokus utama kajian adalah untuk:

- 1.4.1 Mengenal pasti persepsi pelatih-pelatih terhadap kemahiran teknikal yang dipelajari melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).
- 1.4.2 Mengenal pasti persepsi pelatih-pelatih terhadap kemahiran sosial yang dipelajari melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).
- 1.4.3 Mengenal pasti persepsi pelatih-pelatih terhadap nilai sosial yang dipelajari melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).
- 1.4.4 Mengenal pasti persepsi pelatih-pelatih terhadap kemahiran metodologi pembelajaran yang dipelajari melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).
- 1.4.5 Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan di antara latar belakang pendidikan dengan persepsi pelatih-pelatih terhadap SLDN.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian yang berkaitan dengan objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah persepsi pelatih-pelatih terhadap kemahiran teknikal yang dipelajari melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)?
- 1.5.2 Apakah persepsi persepsi pelatih-pelatih terhadap kemahiran sosial yang dipelajari melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)?
- 1.5.3 Apakah persepsi persepsi pelatih-pelatih terhadap nilai sosial yang dipelajari melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)?
- 1.5.4 Apakah persepsi persepsi pelatih-pelatih terhadap kemahiran metodologi pembelajaran yang dipelajari melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan di antara latar belakang pendidikan dengan persepsi pelatih-pelatih terhadap SLDN?

1.6 Kepentingan Kajian

Di antara kepentingan penyelidikan ini adalah ianya diharapkan dapat membentuk dan memenuhi keperluan kepada kewujudan suatu sistem latihan dual yang bersifat lebih meluas dan universal serta dapat dilaksanakan dengan jayanya di kedua-dua pusat latihan dan industri. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat memaksimumkan *hidden potential* atau potensi sebenar yang terdapat dalam sistem latihan dual sedia ada yang sudah digunapakai di negara ini iaitu Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

Di samping itu, penyelidik juga berharap agar penyelidikan ini dapat memberi kebaikan dan faedah kepada pusat latihan bertauliah seperti Politeknik dalam merancang dan memperkasakan lagi sistem latihan dual sedia ada demi melahirkan pelatih yang bukan sahaja kompeten dalam pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga mempunyai kebolehan survival yang akan membantunya untuk terus maju dalam aspek *Life Long Learning* dan juga kehidupan bermasyarakat. Pada akhir sesuatu program latihan itu nanti, para pelatih diharapkan agar mempunyai rasa keyakinan, kepercayaan dan *high-esteem* untuk terus memajukan potensi diri mereka terutamanya dalam bidang TVET ini.

Penyelidikan ini juga diharapkan dapat memberi wadah baru kepada agensi-agensi kerajaan terutamanya yang terlibat secara langsung dengan bidang TVET ini

seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam mengenalpasti dan seterusnya memperbaiki sistem latihan berpotensi tinggi yang sedia seperti SLDN. Hal ini adalah amat penting dan perlu dilakukan demi perkembangan positif belia-belia di negara ini samada dari aspek pembangunan kemahiran, mahupun aspek pembangunan manusia di dalam diri pelatih tersebut.

Seperti yang kita semua sedia maklum, terdapat beberapa Sekolah Menengah Vokasional (SMV) di negara ini telah ditransformasikan atau dinaiktaraf menjadi Kolej Vokasional (KV) menjelang awal tahun 2012 baru-baru ini. Oleh yang demikian, penyelidik juga berharap penyelidikan ini akan dapat membantu pihak Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam merencana sistem pendidikan dan latihan vokasional yang benar-benar lestari dan holistik untuk dilaksanakan di kolej vokasional berkenaan. Hal ini adalah penting bagi membentuk dan mengembangkan potensi dalaman seseorang pelajar atau pelatih itu dan menjadikannya benar-benar bersedia untuk bergerak ke peringkat yang seterusnya.

Untuk kesan jangka masa panjang, penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi sumber sinergi dalam membantu hasrat kerajaan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Hal ini kerana, hasrat murni kerajaan ini hanya akan dapat dicapai secara jujur jika negara kita mempunyai sumber tenaga kerja yang bukan sahaja tinggi dari aspek kuantitinya, tetapi juga gemilang dari aspek kualitinya. Aspek kualiti yang dimaksudkan di sini ialah negara memerlukan pekerja yang

benar-benar seimbang bukan sahaja dari aspek pembangunan kemahiran, tetapi juga perkembangan dirinya sendiri sebagai seorang manusia.

Namun yang demikian, hasrat murni ini hanya akan dapat dicapai jika kedua-dua pihak kerajaan dan pihak swasta serta kedua-dua pihak pusat latihan dan pihak industri dapat menjalinkan hubungan kerjasama yang telus dan lestari dengan menolak kepentingan ekonomi dan menjadikan kepentingan perkembangan seseorang pelatih atau pekerja itu sebagai fokus utama. Jika perkara ini dapat dilaksanakan, memang tidak mustahil bagi negara kita Malaysia untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara pelaksana TVET yang lain seperti Jerman, Australia, Austria dan Switzerland.

1.7 Skop Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih Politeknik Merlimau, Melaka sebagai tempat kajian memandangkan Politeknik Merlimau merupakan salah satu Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang terlibat dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang berada di bawah pemantauan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Populasi yang dipilih adalah di kalangan pelatih yang sedang mengikuti pengajian dan latihan di bawah SLDN. Penyelidik hanya membataskan kajian ini mengikut persoalan kajian yang

tertera. Akhir sekali, keputusan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soal selidik yang diberi.

1.8 Batasan Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, penyelidik telah menetapkan beberapa batasan kajian sebagai fokus utama untuk menjawab objektif-objektif kajian. Di antara batasan kajian yang telah ditetapkan ialah kajian ini hanya tertumpu kepada pelatih yang mengikuti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di Politeknik Merlimau, Melaka. Penyelidik beranggapan, secara amnya Politeknik Merlimau dapat mewakili keseluruhan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di Malaysia yang terlibat dalam SLDN. Kajian ini juga hanya tertumpu pada persepsi pelatih terhadap SLDN sahaja. Oleh yang demikian, elemen dan perkara yang berhubung dengan persepsi pelatih terhadap SLDN sahaja diselidik. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu penyelidik akan mengedarkan borang soal selidik kepada para pelatih. Kajian ini juga mempunyai jangka masa yang terhad terutamanya dalam proses untuk mengedarkan borang soal selidik kerana penyelidik perlu mengikuti dan menghormati sistem kalendar akademik yang telah ditetapkan di Politeknik Merlimau, Melaka.

1.9 Definisi Istilah

Kesemua definisi istilah atau konsep yang diterangkan pada bahagian ini adalah mengikut penyelidikan yang dijalankan.

1.9.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), persepsi merupakan gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera) atau tanggapan.

Manakala Cambridge International Dictionary of English (1995) mendefinisikan *perception* (persepsi) sebagai "*A belief or opinion, often held by many people on appearances*" atau dalam bahasa Melayu "Suatu kepercayaan atau pendapat yang biasanya diberikan oleh orang ramai berdasarkan pemerhatian".

Persepsi dalam kajian ini merupakan persepsi pelatih-pelatih terhadap Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Persepsi yang dimaksudkan termasuklah pandangan mereka tentang sistem latihan kemahiran yang dijalankan di salah sebuah politeknik di negara ini.

1.9.2 Pelatih

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pelatih bermaksud orang yang sedang menerima latihan. Pelatih dalam penyelidikan ini merupakan mereka yang sedang mengikuti program SLDN di Politeknik Merlimau, Melaka.

1.9.3 Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) merupakan salah satu sistem latihan kemahiran terkini yang dijalankan di Malaysia. Sistem ini merupakan sistem latihan yang berkuatkuasa di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK, 2010).

1.9.4 Politeknik

Politeknik merupakan salah sebuah Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang sedang beroperasi di negara ini. Institusi ini terletak di bawah pengurusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia dan baru sahaja bermula melaksanakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

RUJUKAN

Ahmad Othman. 2003. *The role of the National Vocational Training Council in the management of vocational training in Malaysia: A critical evaluation*. Batu Pahat: KUiTTHO.

Ahmad B. Othman. (2005). *The National Dual Training System: An alternative Mode of Training for Producing K-Workers in Malaysia?* Published in Aminah, et al. (2005). *Human Resource Development: Practices and Directions for a Developed Malaysia*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.

Alexandra Uhly, Klaus Troltsch & Gunter Walden. (2006). *Challenges to the German Dual System*. Netherlands: Springer.

Al-Quran al-Karim. Surah At-Tin: 4.

Amla Mohd. Salleh. (2010). *Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asian Development Bank. (2009). *Good Practice in Technical and Vocational Education and Training*. Philippines: Asian Development Bank.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Bab 5: *Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia*. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Castro. (2008). *Is Training in Developing Countries Different from Training in Developed Countries?* UNESCO-UNEVOC Bulletin 14.

Donna-Louise McGrath. (2007). *Implementing an holistic approach in vocational education and training*. Australian Journal of Adult Learning. Volume 47, Number 2.

Habsah Ismail & Aminuddin Hassan. (2009). *Holistic Education in Malaysia*. European Journal of Social Sciences – Volume 9, Number 2.

Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2009). *Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Sistem Latihan Dual Nasional*. Malaysia: Kementerian Sumber Manusia.

Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2009). *Daftar Kurikulum – Sistem Latihan Dual Nasional (K-SLDN)*. Malaysia: Kementerian Sumber Manusia.

Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2010). *Statistik Pencapaian Aktiviti JPK Sehingga Disember 2010*. Malaysia: Kementerian Sumber Manusia.

Jailani bin Md. Yunos, Wan Mohd Rashid bin Wan Ahmad, Noraini bte Kaprawi & Wahid bin Razally. (2006). *System of Technical & Vocational Education & Training in Malaysia (TVET)*. 2nd International TT-TVET EU-Asia-Link Project Meeting. Malang: VEDC.

John W. Creswell. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications, Inc; 3rd edition.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Sumber Manusia. (2008). *Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020*. Kementerian Sumber Manusia: Promark Marketing.

Loh F.S. (1975). *Seeds of separatism: educational policy in Malaysia, 1874-1940*. Singapore: Oxford University Press.

Maznah M. (2001). *Adult and continuing education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia Press.

MLVK. 2005. *Implementation of the National Dual Training System – guides and rules*. Putrajaya: MLVK.

Mohd. Najib Abdul Ghafar. (1998). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamed N. Abou-Zeid, Rudolf K. E. Bode & Ali Sayed. (1999). *Implementing a Dual System of Technical Education in Egypt*. Bowling Green, Ohio: Epsilon Pi Tau.
- Nachmias, D. Nachmias C. (1981). *Research methods in the social sciences*. New York: St. Martin's Press
- O'Neil, J. & Lamm, S. L. (2000). *Working as a learning coach team in action learning*. New Directions for Adult & Continuing Education.
- Pang Chau.Leong. (2008). *A historical account of skills training in Malaysia*. In G. Loose, G.Spottl, & Y. M. Sahir (eds). "Re-engineering dual training – the Malaysian experience, 165-176. Frankfurt am Main: Peter Lang.
- Pang Chau Leong, Jailani Bin Md Yunos & Georg Spottl. (2009). *Comparative Review of The National Occupational Skills Standard (NOSS) – Based Training System and The National Dual Training System (NDTS) in Malaysia: Issues and Themes*. Malaysia Labour Review.

Pang Chau Leong, Rajamorganan Narunan & Simon Sim. (2010). *Background Paper For Malaysia: Skills Development In The Workplace In Malaysia*. ILO/SKILLS-AP/Japan Regional Technical Workshop and Study Programme on Skills Training in The Workplace Overseas Vocational Training Association, Chiba, Japan.

Paul Procter. (1995). *Cambridge International Dictionary of English*. Cambridge University Press.

Pillay, G. F. 2005. *Technical & vocational education (TVET) systems of selected East Asian countries: Malaysia*. Washington, D.C.: The World Bank.

Poonam Agrawal. (2009). *Traditional and Transitional TVET Systems; International Handbook of Education for the Changing World of Work*. Springer Science+Business Media B.V

Pusat Perkembangan Kurikulum. (1988). *Falsafah Pendidikan Negara*. Malaysia: Kementerian Pendidikan.

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8). 2001-2005. Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). 2006-2010. Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

- Rahim M. Sail, Abdul Rahman Md. Aroff, Asnarulkhadi Abu Samah, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah & Zakaria Kasa. (2007). *Sistem Latihan Dual Nasional; Buku Panduan Kemahiran Sosial dan Nilai Sosial dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional*. Malaysia; Kementerian Sumber Manusia.
- Rashid & Nasir (2003). *Lifelong learning in Malaysia*. Paper presented at the International Policy Seminar, 24-26 June, Seoul, Korea.
- Richard A. Swanson & Elwood F. Holton III. (2001). *Foundations Of Human Resource Development*. San Francisco: Berrett-Koehler Publishers, Inc.
- Rohana Hamzah. 2010. *Mengenal Manusia: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Rokeach, M. (1972). *Beliefs, Attitudes and Values: A Theory of Organization and Change*. Great Britain. Jossey-Bass Inc. Publishers.
- Schmidt, H. & Alex, L. (1997). *The Dual System of Vocational Education and Training in Germany* in Roderick Millar & Jonathan Reuvid. *Doing Business With Germany*. London.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Wan Seman bin Wan Ahmad. (2007). *To Inculcate Training Culture Amongst Malaysian Industry Through National Dual Training System (NDTS)*. Malaysia: Department Of Skills Development.

Wong H.K. & Ee T.H. (1975). *Education in Malaysia*. Hong Kong: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

Zuraidah Mohd Zain. (2008). *TVET in Malaysia*. Malaysia: Universiti Malaysia Perlis.